

ASEAN 2025 babit GCC, China dan dunia Arab

Malaysia tumpu tiga penekanan tingkat kekuatan ekonomi rantau

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keistimewaan ASEAN 2025 dipengerusikan Malaysia adalah kerana melibatkan Majlis Kerjasama Teluk (GCC) Plus China serta dunia Arab, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ini sejarah bagi ASEAN dalam meneroka kawasan baharu, termasuk dunia Arab dan mengukuh kerjasamanya dengan China.

“Pertama kali ASEAN akan menganjurkan persidangan 10 negara ASEAN dan GCC, termasuk Arab Saudi, UAE, Qatar, Bahrain dan Kuwait Plus China. China juga akan bersama. Ini hanya berlaku tahun depan sebagai permulaan bagi ASEAN.

“Selain meneruskan perjumpaan berikut ASEAN dengan rakan dialog dengan China, Jepun, Korea Selatan, India, Australia, New Zealand, Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS),” katanya menjawab soalan Datuk Seri Amirudin Shari (PH-Gombak) pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri pada sidang Dewan Rakyat, di sini semalam.

Perjanjian ekonomi

Mengulas lanjut, Anwar berkata, tiga penekanan diberi tumpuan


Malaysia dalam mempengerusikan ASEAN tahun depan, dalam usaha melonjak serta meningkatkan kekuatan ekonomi di rantau ini.

“Kalau kita boleh jalin kerjasama, maka keupayaan kita akan meningkat kerana penekanan Malaysia adalah terhadap transformasi digital, termasuk perjanjian rangka kerja ekonomi digital ASEAN.

“Keduanya, perjanjian perdagangan bebas ASEAN dan dialog, termasuk dengan EU dan ketiga adalah rangkaian tenaga grid ASEAN,” katanya.

Menjawab soalan tambahan Amiruddin sama ada ASEAN bercadang melonggarkan sempadan imigresen bagi melonjak potensinya, Anwar menjelaskan langkah sedemikian belum dapat dilakukan buat masa ini.

“Tumpuan ASEAN adalah per-



tumbuhan ekonomi. Kita tidak mahu ASEAN menjadi gelanggang percaturan, pertembungan kuasa besar.

“Apakah ada jaringan (imigresen) seperti mana di EU, saya tidak fikir ia akan berlaku segera, tetapi peningkatan dari segi grid tenaga itu sudah diperseutujui. Maknanya, dua perkara asas menyentuh hubungan jaringan antara ASEAN yang lebih kukuh ialah dengan digital dan grid tenaga,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar ber-

kata, beberapa negara ASEAN juga ambil keputusan sama seperti Malaysia untuk melihat potensi serta organisasi antara kerajaan, BRICS (Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan).

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin) mengenai manfaat Kepengerusian ASEAN kepada negeri, Anwar berkata, sudah memutuskan beberapa negeri seperti Perlis dan Kelantan untuk diadakan perbincangan pada peringkat pegawai ASEAN.